

## #BAHASAKANKITA

Ruangan baru #bahasakankita ini bertujuan melenyapkan tanggapan bahawa anak muda tidak berminat terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Jika anda berusia 40 tahun ke bawah, **BERITA HARIAN** mengajak anda berkongsi pengalaman. Hantarkan e-mel kepada [bhnews@sph.com.sg](mailto:bhnews@sph.com.sg) atau hantar mesej ke laman Facebook kami di 'Berita Harian Singapura'.

# Perjuang seni silat dalam kalangan siswa



**PERJUANG SENI MELAYU:** Encik Zahin (kanan) bersaing dalam TSC tahun lalu, malah bakal bersaing di TSC 2017 pula.  
– Foto-foto DXPERIMENTS

SEJAK kecil, Encik Muhammad Zahin Saini terdedah kepada seni silat Melayu daripada dua sepupunya. Pendedahan itu memupuk keinginan dalam diri beliau agar menyertai kegiatan tambahan silat di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Sewaktu baru memasuki NUS, Encik Zahin yakin mahu menyertai kegiatan yang boleh menjaga badannya supaya kekal sihat.

Ketika dihubungi, pelajar yang bakal memasuki tahun ketiganya dalam bidang pekerjaan amal itu berkata:

"Kali pertama saya belajar silat ialah waktu memasuki NUS. Kini, sudah dua tahun saya menjadi ahli pasukan silat varsiti NUS."

"Malah, saya telah bersaing dalam Kejohanan Silat Peringkat Universiti (Tertiary Silat Championship atau TSC) dan bakal bersaing di TSC 2017."

Selain pertandingan silat, beliau, 23 tahun, turut melibatkan diri dalam persembahan seni silat yang diadakan sempena Perkhemahan Suai Kenal Pelajar Baru NUS dan Hari Seni Mempertahankan Diri di NUS.

Mengupas cabaran yang dihadapi, Encik Zahin berkata:

"Ibu bimbang penglibatan saya dalam silat akan mendedahkan diri ini pada kecederaan. Maklumlah, seni ini melibatkan sentuhan fizikal yang mampu mencederakan seorang pesilat. Namun, ibu bapa serta sahabat handai masih memberi semangat padu terhadap minat saya."

Di samping memastikan badannya kekal sihat, Encik Zahin meraih kemahiran mempertahankan diri sendiri. Beliau turut menjalin hubungan erat bersama rakan sepasukan sewaktu melalui masa sukar latihan dan kegiatan bersama.

"Teman sepasukan saya sudah seperti keluarga sendiri. Jika kami tidak bertemu, kami akan saling merindui," ujarnya.

Encik Zahin dilantik menjadi kapten pasukan silat NUS bagi tahun akademik 2016/2017.

Sungguhpun demikian, beliau masih menganggap dirinya kerdil dalam seni itu. Bahkan, beliau percaya masih banyak yang harus beliau pelajari untuk benar-benar mendalamni seni Melayu itu.

"Saya ingin terus belajar seni silat ini. Saya rasa adalah penting kita terus mengamalkan seni Melayu seperti silat. Saya bimbang, jika tidak, generasi Melayu akan datang tidak peka akan adanya seni mempertahankan diri dalam budaya mereka sendiri."

"Justeru, saya berharap lebih ramai akan tampil dalam usaha melestarikan budaya Melayu kita sendiri, melalui silat. Malah, setelah saya menamatkan pembelajaran saya, saya akan terus membantu kumpulan silat NUS," ujar beliau. – **NUR SYAMIMI AWALLUDIN**



**TERUS LESTARI SENI SILAT:**  
Walaupun baru dua tahun berkecimpung, Encik Zahin percaya adalah penting terus mengekalkan seni budaya Melayu itu.

Bunga telur cantik sekali,  
Pengantin baharu kita raikan.  
Bahasa dan budaya indah sekali,  
Daulatkan selalu jangan abaikan.